



**MASIH
ADAKAH**

KETUANAN MELAYU?

antara realiti dan fantasi

MOHD RIDHUAN TEE ABDULLAH



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
TANJARAN
KEPIMPINAN
PERDANA



Pada saya, ketuanan Melayu tidak ada kaitan langsung dengan hubungan Melayu itu adalah tuan, manakala bukan Melayu itu adalah hamba. Semua ini cuba dicetuskan oleh segelintir mereka yang ingin mendapatkan laba politik atau *political mileage*.

Semua sedia maklum bahawa ketuanan Melayu hanyalah satu istilah untuk menunjukkan bahawa orang Melayu adalah peribumi yang telah membentuk kerajaan di Tanah Melayu. Fakta ini memang tidak boleh dinafikan. Tidak ada niat tersurat dan tersirat untuk mengatakan bahawa ada bangsa yang superior daripada bangsa lain.

Apakah dengan laungan ketuanan Melayu, maka hak-hak bukan Melayu diabaikan? Saya tidak nampak perkara tersebut berlaku. Istilah ini sekadar mahu mengingatkan orang Melayu supaya tidak mudah lupa diri di tanah air sendiri dan mara untuk terus berjuang.

(Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi)
Menteri Pertahanan Malaysia



**MASIH
ADAKAH**

KETUANAN MELAYU?



**PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA**



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA



**MASIH
ADAKAH**

KETUANAN MELAYU?

MOHD RIDHUAN TEE ABDULLAH



PUSTAKA PERDANA



1 008728

UTUSAN PUBLICATIONS & DISTRIBUTORS SDN BHD



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

Diterbitkan oleh:

Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd

No. 1 & 3, Jalan 3/91A

Taman Shamelin Perkasa, Cheras

56100 Kuala Lumpur

Tel: 03-92856577

Fax: 03-92846554/92875763

laman web: www.mybooks.com.my

© *Ridhuan Tee Abdullah*

Terbitan Pertama 2011

Hak cipta terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin pemilik hak cipta terlebih dahulu.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Ridhuan Tee Abdullah,

Masih Adakah Ketuanan Melayu? / Ridhuan Tee Abdullah,

ISBN: 978-967-61-2466-1

1. Malays (Asian people)--Malaysia--Sosial life and customs.
2. Malays (Asian people)--Ethnic identity--Malaysia.
3. Malays (Asian people)--Malaysia--Politics and government.

I. Judul

305.89923

Dicetak oleh

PRIN-AD SDN. BHD.

No. 27-29, Jalan 2/148A,

Tmn. Sg. Besi Industrial Park,

57100 Kuala Lumpur.



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

SEKAPUR SIRIH

Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang

Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT atas kehadiran buku seterusnya karangan penulis, Dr. Mohd Ridhuan Tee Abdullah, bertajuk *Masih Adakah Ketuanan Melayu?* Tahniah dan syabas! Saya difahamkan sebelum ini buku *Nasib Melayu di Bumi Melayu* mendapat sambutan hangat dan telah diulang cetak.

Saya percaya buku terbaharunya ini juga akan turut mendapat sambutan hangat daripada pembaca. Apatah lagi isu-isu yang ketengahkan selalu dibincang dan diperdebatkan yakni berkaitan dengan ketuanan Melayu.

Masih adakah ketuanan Melayu? Itulah persoalan yang selalu berkumandang. Pada saya, ketuanan Melayu tidak ada kaitan langsung dengan hubungan Melayu itu adalah tuan, manakala bukan Melayu itu adalah hamba. Semua ini cuba dicetuskan oleh segelintir mereka yang ingin mendapatkan laba politik atau *political mileage*.

Semua sedia maklum bahawa ketuanan Melayu hanyalah satu istilah untuk menunjukkan bahawa orang Melayu adalah peribumi yang telah membentuk kerajaan di Tanah Melayu. Fakta ini memang tidak boleh dinafikan. Tidak ada niat tersurat dan tersirat untuk mengatakan bahawa ada bangsa yang superior daripada bangsa lain.

Kita semua adalah sama di sisi Allah SWT. Yang membezakan antara satu sama lain adalah iman dan takwa. Apa guna bangsa berdarjat jika kita hina di sisi Pencipta. Al-Quran sendiri menegaskan semua manusia perlu diberi penghormatan dan



kejadian mereka yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan puak bertujuan semata-mata supaya mereka saling mengenali, bermuafakat dan bukan untuk membenci di antara satu sama lain.

Sebenarnya dengan asas iman dan takwa, umat Islam memiliki tanggungjawab keagamaan untuk melindungi nyawa, harta dan kehormatan orang bukan Islam. Menjadi kewajipan umat Islam agar berbuat baik dan bersahabat dengan orang bukan Islam yang tidak memusuhi agama Islam dan umat Islam (surah *al-Mumtahanah* 60: 8-9). Nabi Muhammad SAW telah memberi amaran kepada orang Islam agar tidak menzalimi dan melakukan penganiayaan terhadap orang bukan Islam. Malah penganiayaan yang terjadi dianggap sebagai menyakiti Allah SWT dan Rasul-Nya.

Seseorang yang memiliki iman dan takwa akan melihat sesama manusia sebagai kejadian Allah SWT yang mulia tanpa memberi justifikasi darjat seseorang mengikut agama dan bangsanya. Ia memberi pertolongan dan pergaulan yang baik kepada semua, tanpa mengira bangsa, agama dan budaya. Malah orang yang beriman dan bertakwa sentiasa menjadikan dirinya sebagai cerminan masyarakatnya dan memberi contoh yang terbaik dalam pergaulan dan muamalah.

Rasulullah SAW mengisytiharkan bahawa bukan daripada orang yang beriman dan bertakwa jika seseorang itu memiliki sifat suka menuduh yang bukan-bukan, suka melaknat orang, lidahnya kotor dan hatinya busuk. Jelas di sini bahawa Allah SWT tidak menilai bangsa, keturunan, darjat dan latar belakang seseorang. Kemuliaan seseorang manusia terletak kepada iman dan takwanya kepada Allah SWT.

Jika ada pun hak-hak istimewa orang Melayu dan Islam sebagaimana yang termaktub dalam perlembagaan, itu adalah perkara yang telah dipersetujui bersama melalui pakatan

murni antara kaum atau kontrak sosial, ketika menjelang kemerdekaan.

Pada ketika itu, orang Melayu bersetuju memberikan taraf kewarganegaraan kepada bukan Melayu, dengan syarat orang bukan Melayu mengiktiraf hak-hak istimewa orang Melayu. Justeru, tidak timbul langsung isu hubungan antara tuan dengan hamba.

Apakah dengan laungan ketuanan Melayu hak-hak bukan Melayu diabaikan? Saya tidak nampak perkara tersebut berlaku. Istilah ini sekadar mahu mengingatkan orang Melayu supaya tidak mudah lupa diri di tanah air sendiri dan mara untuk terus berjuang.

Justeru, bacalah buku ini dengan lapang dada. Ia merupakan cetusan hati nurani seorang insan yang saya kenali sekian lama. Kita harus melihat permasalahan yang berlaku dalam kalangan bangsa Melayu Islam dan masyarakat lainnya di Malaysia ini agar ia dapat ditangani dengan penuh keinsafan, kesungguhan dan penuh iltizam.

Sekali lagi, sekalung tahniah kepada penulis. Semoga akan terus berkarya, untuk menghasilkan bahan-bahan bermutu bagi tatapan anak bangsa dan membuka minda ummah tercinta.

Sekian, terima kasih.

Salam hormat daripada saya.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi
Menteri Pertahanan

SEULAS PINANG

Manusia diciptakan pelbagai bangsa untuk saling kenal-mengenal.

“Hai manusia, sesungguhnya Kami menciptakan kamu daripada seorang lelaki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku, supaya kamu saling kenal-mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertakwa di antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mengenal.”

(Surah al-Hujuraat 49: 13)

Mengenal Dr. Ridhuan Tee melalui curahan pemikiran, pengamatan dan pengalaman beliau sangat menarik dan merangsang minda. Allah SWT tegas menuntut kita supaya mengenali semua kaum agar integrasi dan asimilasi lebih bermakna. Seorang yang dilahirkan daripada keturunan Cina menjadi pengkritik sifat dan sikap ultrakiasu, menyentak tidur nyenyak umat Melayu Islam di tanah tumpah sendiri secara terbuka sepatutnya telah membangkitkan gelombang kesedaran dalam kalangan umat Melayu Islam tetapi di sebaliknya belum ada keberanian dalam kalangan pejuang Melayu menyambung obor yang dinyalakan oleh Saudara Dr. Ridhuan Tee.

Istilah Melayu Islam berulang-kali digunakan dan membuatkan saya terfikir berapa ramai Melayu yang telah tidak Islam dan apa terjadi selepas mereka murtad? Kita masih